# PENENTU KEPUASAN KERJA PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN DAN HUBUNG KAIT DENGAN FAKTOR TINGKAH LAKU

NIK WAN BIN OMAR

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
MALAYSIA

2008

PDF processed with CutePDF evaluation edition www.CutePDF.com

0/6840

1100068315

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

tesis
HF 5549.5 .J63 N5 2008

1100068315
Penentu kepuasan kerja pegawai perubatan kerajaan dan hubung kait dengan faktor tingkah laku / Nik Wan Omar.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100068315

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

# PENENTU KEPUASAN KERJA PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN DAN HUBUNG KAIT DENGAN FAKTOR TINGKAH LAKU

NIK WAN BIN OMAR

Tesis Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat Untuk Ijazah Doktor

Falsafah Di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Universiti Malaysia Terengganu

JANUARI 2008

1100068315

Tesis ini didedikasikan kepada bonda tersayang, Jara binti Omar. isteri tercinta, Zafiah binti Ibrahim. Anak-Anak : Nik Salwani, Nik Yusrina, Nik Ahmad Firdaus, Nik Fatma Hayati, Nik Ahmad Fauzan, Nik Aini Arifah, Dan Nik Ainun Nabilah . Menantu: Shamsul Bahary Muhamad Dan Mohd Fauzan Salleh. Cucunda: Nik Ahmad Irsyad.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

**PENENTU KEPUASAN KERJA PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN DAN HUBUNG KAIT DENGAN FAKTOR TINGKAH LAKU**

**NIK WAN BIN OMAR**

JANUARI 2008

Pengerusi : Mohd Shaladdin bin Muda, Ph.D

Ahli : Profesor Wan Salihin Wong Abdullah, Ph.D

Wan Abdul Aziz bin Wan Mohd Amin, Ph.D

Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi

Kajian ini menganalisis faktor-faktor penentu kepuasan kerja pegawai perubatan kerajaan dan hubung kait dengan faktor tingkah laku. Ia bertujuan membina satu model peramal kepuasan kerja, yang boleh menjadi suatu panduan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam menyediakan skim perkhidmatan perubatan yang terbaik. Isu kepuasan kerja menjadi penting kerana pada masa ini terdapat banyak rungutan daripada pegawai perubatan berhubung terma perkhidmatan dan persekitaran pekerjaan mereka.

Terdapat tiga faktor utama yang dikaji iaitu faktor penentu kepuasan kerja

yang terdiri daripada gaji, kenaikan pangkat, penyeliaan, faedah tambahan, ganjaran, rakan sekerja, pekerjaan itu sendiri, masa bekerja, komunikasi, penilaian prestasi, kemudahan, peralatan dan kebajikan pegawai sebagai pemboleh ubah bebas. Kedua, Faktor demografi atau profil responden yang merangkumi umur, jantina, taraf perkahwinan, tempoh berkhidmat, kelayakan akademik, jawatan dan gred jawatan sebagai pemboleh ubah luaran dalam hubungan faktor penentu dengan kepuasan kerja. Ketiga, faktor tingkah laku yang merupakan hasil daripada tahap kepuasan kerja pegawai perubatan kerajaan. Faktor tingkah laku yang dikaji ialah dorongan kerja, penglibatan kerja, komitmen kerja, ketidakhadiran bekerja, tindakan berhenti kerja, tekanan kerja, dan prestasi kerja.

Sebanyak 700 soal selidik diedarkan secara rawak ke hospital kerajaan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan didapati seramai 451 orang iaitu 64.4% responden yang mengembalikan semula borang soal selidik tersebut. Responden kajian ini terdiri daripada pegawai perubatan termasuk pakar perubatan yang berkhidmat dengan kerajaan Malaysia.

Kajian ini mendapati tahap kepuasan kerja pegawai perubatan secara keseluruhannya adalah sederhana tetapi tahap kepuasan terhadap gaji, kenaikan pangkat, ganjaran, penyeliaan, faedah tambahan, kemudahan dan penilaian prestasi adalah rendah. Walau bagaimanapun tahap kepuasan terhadap pekerjaan, rakan sekerja dan komunikasi adalah tinggi.

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

Seterusnya, terdapat korelasi yang positif dan signifikan antara faktor penentu dengan kepuasan pekerja. Semua faktor penentu yang dikaji merupakan faktor peramal yang baik kepada kepuasan kerja, nilai pekali penentuan ($R^2$) ialah 0.853. Kajian juga mendapati, wujud hubungan yang signifikan antara kepuasan kerja, atau faktor penentu dengan faktor tingkah laku. Dapatan daripada analisis laluan pula menunjukkan bahawa profil responden juga memberikan kesan terhadap hubungan antara faktor penentu dengan kepuasan kerja. Seterusnya hasil analisis laluan juga menunjukkan profil responden memberikan kesan terhadap hubungan antara kepuasan kerja dengan faktor-faktor tingkah laku. Adalah diharapkan dapatan kajian ini boleh menjadi salah satu asas dalam perbincangan antara pihak-pihak yang berkepentingan mengenai terma-terma perkhidmatan perubatan. Secara khususnya dicadangkan agar pihak berwajib mewujudkan satu suruhanjaya khas mengenai profesion perubatan. Hal ini, membolehkan isu-isu berhubung dengan profesion perubatan dibincang secara lebih khusus tanpa melibatkan perkhidmatan awam yang lain.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor Philosophy

**DETERMINANT OF JOB SATISFACTION AMONG GOVERNMENT MEDICAL OFFICERS AND THEIR RELATIONS WITH BEHAVIORAL FACTORS**

**NIK WAN BIN OMAR**

JANUARY 2008

Chairperson : Mohd Shaladdin bin Muda, Ph.D

Members : Professor Dr. Wan Salihin Wong Abdullah, Ph.D

Wan Abdul Aziz bin Wan Mohd Amin, Ph.D

Faculty : Management and Economics.

This research analyses the determinant of government medical officer's job satisfaction and their relationship with the behavioral factors. The main objective of the research is to construct a determinant model on job satisfaction as a guide for interested parties in providing the best medical service scheme. This issue on job satisfaction has become a household issue as various grouses have been aired by those involved in medical sector concerning working terms and working climate.

There are three main research areas. The first area is on job satisfaction which involves salary, job promotion, supervision, fringe benefits, incentives, work colleagues, nature of job itself, work

duration, communication, job performance assessment, facilities, work equipment and workers welfare as independent variables. The second area, the demographical factors or respondent profiles which include age, gender, marital status, service duration, academic qualification, post and post grade as external variables or exogenous variables in relationship between determinant factors and job satisfaction. The third area is on behavioral characteristics resulting from levels of job satisfaction portrayed by these medical officers. In this research area, behavioral characteristics looked at are work motivation, work involvement, work commitment, absenteeism from work, work quitting, work pressure and work performance.

700 questionnaires were distributed at random to government hospitals in Malaysia. 451 respondents responded to the questionnaires that is 64.4% returned the questionnaires. Respondents in this research are medical officers and medical expertise serving the Malaysian government.

This research found out that job satisfaction among medical officers is at a moderate level while job satisfaction in areas concerning salary, job promotion, supervision, incentives, fringe benefits, facilities and work performance is at a low level. On the other hand, the level of job satisfaction concerning job itself, work colleagues, and communication

is at a high level. There is a positive and significance correlation between determining factors and levels of job satisfaction. All determining factors researched are seen as appropriate and suitable indicating factors in deciding job satisfaction. The coefficient of determination value ($R^2$) is 0.853. Research findings show that there is a significant correlation between job satisfaction or its determining factors with behavioral factors. Findings from the path analysis indicates that respondent profiles are giving impact on the relation between determining factors and levels of job satisfaction. The path analysis also indicates respondent profiles have their impact too in the relation between levels of job satisfaction and behavioral factors. It is hoped that the research findings will be the basis in various discussions among interested parties with regards to terms of service in medical profession. To be more specific, it is proposed here that relevant authorities will establish a special commission looking into this medical profession. This will therefore enable related issues to be discussed openly in a more specific manner.